

11/11/1998

Kecewa cendekiawan jadi penganjur perhimpunan

Bujang Lembau

SEJAK beberapa minggu ini banyak rusuhan berlaku di sekitar Kuala Lumpur. Apakah saudara harus menyalahkan kerajaan semata-mata untuk menuntut keadilan. Memang benar kata-kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Mereka inginkan kerajaan digulingkan.

Kerajaan kita ada sistem pentadbiran melalui pilihan raya. Bukan dengan cara merusuh atau merosakkan harta benda awam. Itu cuma orang yang pendek akal fikiran dan bersifat dengki.

Malangnya mereka yang menganjurkan perhimpunan haram itu adalah golongan cerdik pandai, ahli politik dan pelajar universiti.

Apa yang menyedihkan kenapa ilmu pengetahuan yang mereka perolehi disalahgunakan.

Tindakan mereka umpama menyemai biji benih di padang pasir. Mereka sanggup mencemari imej negara dan memburukkan kerajaan.

Mungkin mereka ingin melihat keadaan negara kita bermandi darah seperti yang berlaku di negara Barat.

Mungkin mereka lupa pada peristiwa 1970-an di mana Kerajaan Malaysia cuba digulingkan oleh komunis. Mereka juga memperalatkan penduduk luar bandar.

Sekarang juga keadaan yang serupa berlaku. Ada pihak yang sememangnya antikerajaan dan musuh di dalam selimut, menangguk di air keruh iaitu memperalatkan rakyat untuk mengutuk kerajaan.

Mereka ini seperti lalang ditiup angin dan tidak tahu menilai kebaikan kerajaan sebaliknya hanya tahu menuduh dan memburukkan pemimpin. Mereka juga tidak mengenali diri sendiri sebelum membuat sesuatu keputusan.

Keamanan yang disanjung oleh rakyat Malaysia kini tergadai disebabkan mereka yang mengundang ancaman.

Tindakan mereka mengakibatkan pelancong takut datang ke Malaysia dan peniaga pula terjejas.

Kalau mahu merusuh, Malaysia bukan tempatnya. Pergilah ke negara lain. Di sini bukan untuk menunjukkan keberanian.

Kami rakyat Malaysia mahu maju dan dihormati dunia.